



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

Bermula awal April 2023 jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital KKM meskipun telah meningkat sebanyak 17.6% berbanding Mac 2023, namun tren ini tidak membebankan perkhidmatan kesihatan dan hospital masih beroperasi seperti biasa. Majoriti pesakit yang dimasukkan ke hospital adalah golongan berisiko tinggi seperti warga emas dan individu dengan komorbid. Walau bagaimanapun kebanyakan kes bergejala ringan, stabil dan situasi COVID-19 kekal tidak membimbangkan.

Pada tahun 2023 sehingga 11 April, kematian COVID-19 dilaporkan hanya dengan kadar kematian (*Case Fatality Rate - CFR*) 0.3% (berbanding gelombang Delta dengan CFR yang tinggi iaitu sebanyak 2.1%). 63.8% melibatkan pesakit berumur 60 tahun dan ke atas, manakala 90.7% adalah dalam kalangan individu dengan komorbid.

Kematian pesakit yang tidak pernah divaksinasi adalah enam (6) kali lebih tinggi berbanding pesakit yang mendapat satu dos penggalak.

Berdasarkan data sehingga 11 April 2023, hanya 50% (16,325,561) penduduk Malaysia telah menerima dos penggalak pertama dan 2.5% (818,420) sahaja telah menerima dos penggalak kedua. Risiko kemasukan ke hospital dan keterukan gejala boleh dikurangkan dengan pengambilan

dos penggalak. Justeru, orang ramai terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi disarankan untuk mendapatkan dos penggalak disebabkan berlaku penurunan imuniti (*waning immunity*) dalam tempoh 3 hingga 6 bulan daripada dos terakhir.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan TRIIS (TEST, REPORT, INFORM, ISOLATE & SEEK), <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2022/12/terus-amalkan-triis-untuk-keselamatan-bersama> .

Dalam kesibukan membuat persediaan musim perayaan yang akan tiba, masyarakat digalakkan untuk memakai pelitup muka apabila hadir ke tempat awam yang sesak dan sempit di mana penjarakan fizikal sukar diamalkan seperti di bazar ramadan dan ketika sambutan Hari Raya bersama mereka yang tercinta.

KKM akan terus memantau situasi COVID-19 serta variant yang terdapat di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima bagi memastikan kesejahteraan rakyat untuk hidup bersama virus COVID-19.

DR ZALIHA BT MUSTAFA
Menteri Kesihatan Malaysia

13 April 2023